

SIARAN MEDIA

MAJLIS PENYERAHAN PERUNTUKAN BAGI INISIATIF BELANJAWAN MADANI 2023: PENYELENGGARAAN LIF

KUALA LUMPUR, 6 Julai 2023 – YB Tuan Nga Kor Ming (YB KM), Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan telah menghadiri Majlis Penyerahan Peruntukan bagi Inisiatif belanjawan Madani 2023 bertempat di Program Perumahan Rakyat (PPR) Seri Malaysia, Taman Desa Petaling, Kuala Lumpur pagi ini. Majlis tersebut turut dihadiri oleh YB Dato' Seri Dr. Wan Azizah binti Dato' Dr. Wan Ismail, Ahli Parlimen Bandar Tun Razak.

Majlis ini diadakan sebagai simbolik untuk mengumumkan sejumlah peruntukan khas Kerajaan Perpaduan melalui **Inisiatif Belanjawan Lif Madani 2023 untuk penyelenggaraan dan penggantian lif di Projek Perumahan Rakyat (PPR) sebanyak RM50 juta. Daripada jumlah tersebut, RM33.6 juta akan disalurkan kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) bagi tujuan penggantian lif di lima (5) PPR dan juga Perumahan Awam** iaitu :

- i. PPR Bukit Jalil
- ii. Perumahan Awam Desa Rejang
- iii. Perumahan Awam Seri Pangkor 1
- iv. Perumahan Awam Seri Pangkor 2; dan
- v. Perumahan Awam Seri Terengganu

Menurut YB KM, “Peruntukan ini akan membantu kerja-kerja penggantian sebanyak **56 unit lif** di 19 blok rumah pangsa PPR dan perumahan. Kerja-kerja tersebut akan dilaksanakan oleh DBKL bermula pada tahun ini dan dijangka siap secara berperingkat sehingga tahun 2024. Penyelenggaraan dan penggantian lif ini dijangka akan memberi manfaat kepada 9,272 orang penduduk di PPR dan perumahan awam tersebut.

Bersempena dengan majlis ini juga, turut diadakan *soft launching* bagi penggantian enam (6) unit lif di Blok A dan Blok B, PPR Seri Malaysia, Kuala Lumpur melibatkan RM3.28 juta peruntukan yang telah disediakan oleh DBKL. Penggantian dan penyelenggaraan lif ini merupakan keperluan yang ditunggu oleh penduduk memandangkan usia lif sudah menjangkau 19 tahun.

KPKT melalui agensi di bawahnya iaitu URBANICE Malaysia yang berperanan sebagai '*Centre of Excellence for Sustainable Cities & Community Wellbeing*' turut melakukan transformasi ruang sedia ada di Blok B, PPR Seri Malaysia yang diberi nama sebagai Ruang Komuniti atau *Community Corner*. Berkonsepkan '*Social Integration at Common Space*', ruang kongsi ini diharapkan akan dapat mencetuskan aktiviti sosial yang baik, selamat serta memberikan peluang kepada penduduk yang berbeza latar belakang, kumpulan umur dan kaum untuk membina hubungan komuniti yang sihat dan kukuh. Ia juga merupakan salah satu usaha berterusan dalam menggalakkan integrasi sosial secara inklusif di kawasan umum terutamanya di Perumahan Awam dan PPR di Malaysia.

Majlis ini turut dihadiri oleh YBhg. Datuk Sr.Hj. Kamarulzaman bin Mat Salleh, Datuk Bandar Kuala Lumpur; YBhg. Dato' Jayaselan, Ketua Pengarah Jabatan Perumahan Negara; Pegawai-Pegawai Kanan Kerajaan Persekutuan dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur serta Pengerusi Persatuan Penduduk PPR Seri Malaysia.

KPKT melalui Jabatan Perumahan Negara (JPN) akan sentiasa bekerjasama dengan pelbagai pihak bagi memastikan manfaat daripada penyelenggaraan perumahan berstrata ini dilaksanakan secara berterusan demi manfaat dan kesejahteraan rakyat seterusnya dapat meningkatkan mutu perkhidmatan jua.

#MalaysiaMadani
#StrongerTogether
#DemiPertiwi
#UnityInDiversity

Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PLANMalaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

*Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my*

